

21/08/1998

Kos Silat Lagenda luar biasa

Zainuri Misfar

JIKA membandingkan filem animasi keluaran Walt Disney atau Warner Bros, kos pembikinan animasi pertama negara ini, Silat Lagenda dianggap menakjubkan dan luar biasa.

Menerusi wang sebanyak RM5 juta, penerbitnya, Hishani Peninsula Group mampu menghasilkan sebuah filem animasi yang agak baik. Peruntukan sebanyak itu sudah tentu tidak boleh bergerak bagi Walt Disney atau Warner Bros.

"Itulah sebabnya, saya katakan kemampuan kita agak luar biasa," kata pengarah Silat Lagenda, Hassan Muthalib.

"Bagi kita, RM5 juta itu banyak dan luar biasa dalam menghasilkan sebuah filem. Tapi sebenarnya kos sebanyak itu bukanlah jumlah yang mencukupi untuk melihat Silat Lagenda sebagai satu hasil sempurna.

"Kita memerlukan sekurang-kurangnya RM10 juta untuk melihat Silat Lagenda sebagai filem animasi yang betul-betul baik," tambahnya.

Silat Lagenda adalah filem animasi pertama negara ini. Tayangan perdananya dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin. Filem itu akan ditayangkan untuk tontonan umum mulai 27 Ogos ini.

Hassan juga mengaku, Silat Lagenda banyak kekurangan kerana selain modal, ia menghadapi masalah pengalaman untuk menguasai penggunaan teknologi animasi yang masih terlalu baru itu.

Katanya, pembikinan filem animasi ini yang dimulakan kira-kira tiga tahun lalu, menghadapi pelbagai masalah seperti kehilangan 250,000 lukisan kerana tidak dapat disimpan dalam sistem komputer.

"Banyak masalahnya. Ini benda baru. Orang kita tak cukup pandai. Peralatannya juga tak cukup.

"Sepanjang pembikinan, kita pernah kehilangan 100 hingga 200 adegan yang kemudian terpaksa dibuat semula," katanya.

Bagaimanapun, dia tetap puas hati dan bangga dengan Silat Lagenda yang dianggap sesuai untuk tontonan keluarga.

"Saya fikir kalau dapat RM9 juta atau kutipan boleh mengatasi Sembilu, barulah filem ini dapat untung. Tapi sekurang-kurangnya biar balik modal dulu," kata Hassan apabila ditanya mengenai sasaran filem itu.

Mengenai rancangan akan datang, Hassan berkata, dia merancang menghasilkan animasi Panglima Awang, seorang ahli pelayaran Melayu yang dikenali di seluruh dunia.

"Kisah Panglima Awang ini agak universal kerana banyak negara tahu mengenai sejarahnya. Kita sebenarnya kena cari satu cerita yang bersifat universal untuk diterima oleh orang luar, kerana filem kita kebanyakannya dalam lingkungan wilayah sendiri, yang orang Melayu saja boleh faham," katanya lagi.

(END)